



# TEKUN Nasional

## Institusi Strategik Pembangunan Usahawan

Oleh **RAJMAH HASAN**  
Gambar **MOHD SAIFUDIN RASHID**

**PENUBUHAN** TEKUN Nasional (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) pada 9 November 1998 adalah untuk memberikan kemudahan kepada usahawan kecil bumiputera bagi mendapatkan pembiayaan modal untuk memulakan usaha niaga atau mengembangkan lagi perniagaan mereka.

TEKUN Nasional diwujudkan hasil dari cadangan yang dikemukakan dalam Konvensyen Bumiputera Pulau Pinang yang diadakan pada tahun 1994 di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang.

Konvensyen tersebut dianjurkan oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang.

Matlamat penubuhan TEKUN Nasional adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan lagi taraf ekonomi bumiputera di negara ini menerusi penglibatan mereka dalam bidang perniagaan.

Dengan adanya TEKUN Nasional adalah diharapkan semoga masalah golongan bumiputera yang sering berdepan dengan kerenah institusi kewangan dan bank untuk mendapatkan pinjaman akan dapat dikurangkan.

Malah, institusi kewangan berkenaan dikatakan 'kurang berminat' untuk berurusan dengan mereka kerana jumlah pinjaman yang dipo-



**ABDUL RAHIM HASSAN**

hon terlalu kecil antara RM500 hingga RM10,000 dan tidak menguntungkan institusi tersebut.

Bagaimanapun, sejak beroperasi mulai 1 Februari 1999 sehingga 31 Ogos 2009, TEKUN Nasional telah mengeluarkan 187,805 pembiayaan pinjaman bernilai RM1.38 bilion kepada 150,131 usahawan di 199 daripada 222 Kawasan Parlimen seluruh Malaysia.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional, **Datuk Abdul Rahim Hassan** berkata, TEKUN Nasional ternyata menjadi pilihan bakal usahawan kecil bumiputera kerana modus operandinya tidak mengenakan sebarang cagaran dan penjamin kepada mereka yang ingin membuat pinjaman dan ia selaras dengan cogan kata institusi berkenaan iaitu 'Dinamik dan Mesra Usahawan'.

Menyikap sejarah, penubuhan TEKUN Nasional dibuat berikutan kejayaan program perintis tabung berkenaan yang dilaksanakan oleh Pusat Kajian Dasar Universiti Sains Malaysia pada tahun 1995 di tiga kawasan iaitu Pulau Pinang, Jeli dan Kelantan dan Besut (Terengganu).

Abdul Rahim berkata, selepas penjenamaan semula dilakukan pada tahun lepas, TEKUN Nasional dahulunya dikenali Yayasan TEKUN Nasional kini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang diterajui Datuk Noh Omar.

Sejajar dengan visi barunya sebagai sebuah institusi pembangunan usahawan yang unggul di negara ini, katanya, TEKUN Nasional kini menggalas beberapa peranan penting antaranya menyediakan maklumat keusahawanan, peluang-peluang perniagaan, khidmat nasihat dan bimbingan, sokongan perniagaan dan jaringan usahawan di samping mengekalkan pembiayaan modal sebagai aktiviti utamanya.

Matlamat penubuhan TEKUN Nasional adalah juga untuk sama-sama menyumbang ke arah menrealisasikan matlamat kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

"PIHAK kerajaan akan terus komited untuk membantu para pengusaha dan peniaga terutamanya para penaja dan peniaga kecil lebih-lebih lagi dalam keawatan ekonomi masa kini. TEKUN Nasional di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) digesa untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat. Hasrat dan matlamat ini adalah selaras dengan konsep 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Pembiayaan modal yang disalurkan oleh TEKUN Nasional hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Dalam masa yang sama, saya menyeru agar setiap usahawan/peminjam TEKUN Nasional hendaklah membayar balik pinjaman mereka pada masa yang dijanjikan supaya wang bayaran balik yang diterima itu dapat dipinjamkan pula kepada orang lain yang memerlukan. Sehingga kini, TEKUN Nasional telah memberikan pembiayaan pinjaman kepada lebih 150,000 usahawan di seluruh Malaysia.



**- Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, DATUK NOH OMAR.**

Dengan misi menyediakan pembiayaan mikro dan perkhidmatan sokongan kepada pembangunan usahawan, skop pembiayaan TEKUN Nasional ditawarkan kepada usahawan bumiputera yang ingin memulakan atau meningkatkan perniagaan sedia ada.

Jumlah pinjaman asas perniagaan pula adalah serendah RM500 dan pinjaman seterusnya boleh dibuat secara berperingkat sehingga RM50,000.

Untuk menggalakkan lebih ramai berminat menyertai keusahawanan, TEKUN Nasional tidak mengenakan faedah kepada peminjam, sebaliknya hanya mengenakan caj perkhidmatan tetap iaitu sebanyak empat peratus sahaja mulai 1 Ogos 2008 berbanding lapan peratus sebelum ini dengan tempoh bay-

ar balik pembiayaan hingga lima tahun.

Bayaran caj perkhidmatan ini digunakan untuk membiayai kos pengurusan TEKUN Nasional termasuk bayaran gaji kepada pegawai-pegawainya yang berjumlah hamper 1,000 orang di seluruh negara.

Di samping itu pemohon hanya dikenakan bayaran memproses pinjaman sebanyak RM30 untuk mendapatkan pembiayaan kurang RM10,000 manakala RM50 (pembiayaan RM10,000 hingga RM30,000) dan RM100 untuk pembiayaan melebihi RM30,000.

Bagi memupuk budaya menabung di kalangan para usahawan peminjam digalakkan untuk membuat simpanan sebanyak lima peratus daripada nilai pembiayaan set-

iap tahun dan simpanan tersebut hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman.

Dalam pada itu, kelebihan sampingan ialah para usahawan TEKUN Nasional akan mendapat perlindungan di bawah Skim Insurans Takaful Berkelompok.

Antara bidang-bidang perniagaan yang boleh diceburi para usahawan TEKUN Nasional ialah pembuatan, peruncitan dan perdagangan, perkhidmatan, pertanian, penternakan dan akuakultur, pembinaan, pemborongan, pelancongan/rekreasi, pendidikan dan pengangkutan.

Untuk keterangan lanjut mengenai pembiayaan TEKUN Nasional, orang ramai boleh melayari laman web institusi berkenaan di [www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my)



**KHAIRUL Fahmi (kanan) antara usahawan kecil Bumiputera TEKUN Nasional yang berjaya.**

## Semarak semangat niaga

KATA pepatah, "kalau tidak dipecahkan ruyung manakan nak dapat sagunya".

Kata-kata itu memberi perangsang kepada usahawan-usahawan kecil yang bermula dari bawah sehingga dapat mengembangkan perniagaan ketika ini.

Bagaimanapun, usahawan-usahawan kecil ini sering berhadapan dengan masalah kewangan kerana mereka tidak mengetahui di manakah punca untuk mendapat dana atau pinjaman bagi meneruskan perniagaan mereka.

Kewujudan TEKUN Nasional memberi nafas baru kepada usahawan khususnya golongan peniaga kecil dalam meneruskan operasi sekali gus meningkatkan pendapatan mereka menerusi pelbagai produk yang ditawarkan.

Bagi pemilik KF Creative Sdn. Bhd., **Khairul Fahmi Mohd. Khairuddin**, 30, beliau terlibat dengan pinjaman TEKUN Nasional pada akhir tahun lepas setelah tertarik dengan kemudahan pembiayaan disediakan.

"Kali pertama memohon dengan TEKUN, prosesnya agak mudah. Mungkin saya sudah ada profile syarikat, justeru permohonan saya tidak mengambil masa lama untuk diluluskan," katanya yang membuat pembiayaan pinjaman sebanyak RM50,000 daripada TEKUN Nasional pada akhir tahun lepas.

Dengan pinjaman tersebut, katanya, beliau membeli mesin sulaman berkomputer beresolusi tinggi selain memindahkan pejabat urusan ke bangunan kedai lebih besar di Sungai Besar, Selangor bagi melicinkan operasi syarikat yang semakin berkembang.

Ditanya bagaimana TEKUN Nasional memberi kesan secara langsung ke atas perniagaannya, seorang lagi usahawan, **Rosli Tumin**, 41, berkata, pada asalnya beliau hanya suka-suka mengisi borang permohonan pembiayaan institusi berkenaan sekitar tahun 2000.

"Tanpa disangka, percubaan saya memohon pinjaman sebanyak RM5,000 itu diluluskan dan saya gunakan wang tersebut untuk dijadikan modal pusingan bagi perniagaan keropok lekor.

"Selang dua tahun, saya mohon untuk membuat pinjaman ulangan kedua sebanyak RM8,000 diikuti RM20,000 (2004) dan terbaru RM30,000 pada tahun ini," katanya jumlah keseluruhan pinjaman yang telah TEKUN Nasional luluskan kepada beliau adalah sebanyak RM63,000.

Sementara itu, pemilik syarikat MZ Rezeki Enterprise, **Azhar Yunus**, 62, berkata, usia bukan penghalang untuknya memohon pinjaman TEKUN Nasional dengan pinjaman ulangan sebanyak tiga kali iaitu RM3,000 dan RM10,000 manakala kali terakhir pada dua tahun lepas sebanyak RM20,000.

Dari perniagaan rempeyek jenama MooNsnek yang dibuat secara kecil-kecilan pada tahun 1998, beliau kini memiliki bangunan sendiri berukuran 40 kaki x 90 kaki bernilai RM250,000 terletak bersebelahan rumahnya di Sabak Bernam, Selangor.

Ditanya kelebihan pembiayaan TEKUN Nasional, lulusan Diploma Pertanian dan bekas pembantu pengurus kemasyarakatan FELDA itu berkata:

"TEKUN Nasional adalah platform terbaik bagi usahawan bumiputera mendapatkan pinjaman untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan. Selain terdapat kemudahan pinjaman dari serendah RM500 sehingga RM50,000, skim pembayaran baliknya juga mudah dan tidak membebankan. Di TEKUN Nasional, mereka bukan sekadar memberi pinjaman, malah turut memberi nasihat mengenai perniagaan".

### Pembiayaan TEKUN 2006 sehingga 2009

| Tahun | Jumlah       |
|-------|--------------|
| 2006  | RM 72.7 juta |
| 2007  | RM129.0 juta |
| 2008  | RM358.2 juta |
| 2009  | RM247.2 juta |

### Fakta nombor

DARIPADA **150,131** orang peminjam kali pertama, seramai **31,678** peminjam telah mendapat pinjaman ulangan bernilai **RM433 juta** setelah menyelesaikan pembiayaan pertama TEKUN Nasional

### Sekilas...

TERDAPAT sebanyak **75** syarikat Rakan Strategik telah dilantik di bawah Program Rakan Niaga TEKUN Nasional

## Business Centre lebih cekap, efisien

PUSAT Pembangunan Usahawan (Business Centre) yang dikendalikan TEKUN Nasional merupakan satu inisiatif MOA untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian lebih profesional.

Langkah itu sememangnya bersesuaian dengan hala tuju dan penjenamaan semula TEKUN Nasional sebagai institusi pembangunan usahawan unggul di Malaysia pada masa depan.

Dengan tanggungjawab baru itu, TEKUN Nasional menerusi Pusat Pembangunan Usahawan menggalas lima peranan penting selaras dengan hasrat dan matlamat kerajaan Barisan

Nasional untuk memberikan perkhidmatan lebih baik dan cekap kepada rakyat khususnya masyarakat bumiputera.

Peranan dan objektif Pusat Pembangunan Usahawan TEKUN Nasional itu adalah:

- Memberikan maklumat mengenai peranan yang dimainkan dan perkhidmatan disediakan oleh MOA serta agensi-agensinya di bawahnya dalam usaha melahirkan dan memajukan usahawan di negara ini serta memupuk semangat dan budaya keusahawanan di kalangan rakyat

Malaysia.

- Memberikan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan dan penajaan pendapatan yang boleh diceburi oleh masyarakat bumiputera.
- Menjadi pusat rujukan, perkhidmatan dan sokongan kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan.
- Menjadi pusat untuk mewujudkan jaringan di kalangan para usahawan sedia ada.
- Menjadi pusat untuk berbagai aktiviti dan kegiatan dalam bidang keusahawanan dan pembangunan usahawan setempat.

KETIKA ini, terdapat tujuh buah Pusat Pembangunan Usahawan di seluruh negara iaitu di Metro Centre Bandar Tasik Selatan Telefon: 1-300-88-1277, Pertama Kompleks Jalan Tanauku Abdul Rahman (03-2698 3993), Medan Istana 7, Bandar Ipoh Raya Ipoh Perak (05-2495 712), Taman Sri Murni, Butterworth Pulau Pinang (04-356 9510), Bandar Baru UDA, Johor Bahru (07-235 1597), Jalan Persiaran Dato Haji Ismail Hassan, Kluang, Johor (07-773 9568) dan Wisma San Hin Lebuhraya Pantai Baru, Kota Kinabalu Sabah (088-319303)



Orang awam mendapatkan maklumat tentang pembiayaan di **Business Centre** TEKUN Nasional.

MULAI awal tahun ini, TEKUN Nasional menerima permohonan pembiayaan yang di luar jangkaan.

Dari bulan Januari sehingga 31 Ogos 2009, TEKUN Nasional telah memberikan pembiayaan sebanyak RM247 juta kepada 23,513 orang.

Dalam masa sama, permohonan seramai 15,000 orang lagi sedang diproses dan dipertimbangkan yang melibatkan jumlah permohonan sebanyak RM350 juta lagi.

Oleh itu, TEKUN Nasional memang tidak dapat meluluskan kesemua permo-

honan dalam masa singkat memandangkan dana yang ada tidak mencukupi untuk membiayai kesemua pemohon.

TEKUN Nasional ingin memaklumkan bahawa bukan semua permohonan boleh diluluskan. Kelulusan pembiayaan adalah bergantung kepada pertimbangan yang sewajarnya ke atas setiap pemohon serta menentukan siapa yang harus diberikan keutamaan dalam keadaan kekurangan dana dihadapi oleh TEKUN Nasional pada ketika ini.

Sementara itu, untuk tempoh Rancangan

Malaysia Kesembilan (2006-2010), TEKUN Nasional telah menerima peruntukan dari kerajaan berjumlah RM500 juta (termasuk RM150 juta yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini).

Walaupun bagaimanapun TEKUN Nasional telah memberikan pembiayaan melebihi RM800 juta sehingga bulan Ogos 2009 sahaja.

TEKUN Nasional memang tidak dapat untuk memberikan pembiayaan dalam masa yang singkat mengikut piagam

pelanggannya iaitu 14 hari.

Pihak TEKUN Nasional memohon maaf kepada semua pemohon yang terpaksa menunggu agak lama untuk mendapatkan kelulusan dan pembiayaan.

Di samping itu TEKUN Nasional ingin menyeru dan merayu kepada para peminjam/usahawan TEKUN yang sedia ada supaya dapat membayar pinjaman mereka dalam tempoh yang dijanjikan oleh kerana wang bayaran ini akan disalurkan kembali kepada peminjam-peminjam baru.

Sekiranya bayaran balik pinjaman ini lambat diterima maka ia akan menjejaskan pembiayaan yang seterusnya. Untuk mengatasi masalah ini, TEKUN Nasional melancarkan OPS KUTIP untuk memberikan kesedaran kepada para usahawan untuk membayar balik pinjaman mereka sepertimana yang dijanjikan.

TEKUN Nasional akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi kecekapan perkhidmatannya selaras dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.



**PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan replika cek kepada usahawa TEKUN Kawasan Parlimen Tanjung Karang, Selangor, Jun lalu. Turut kelihatan Noh Omar dan Abdul Rahim.**



TEKUN Mobile perkhidmatan bergerak mesra usahawan.

## TEKUN Mobile mesra usahawan

TEKUN Mobile iaitu perkhidmatan bergerak mesra usahawan merupakan antara langkah penambahbaikan sistem dan pembaharuan bagi memantapkan lagi TEKUN Nasional.

Dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar pada 5 Januari 2009 di Kuala Terengganu, perkhidmatan TEKUN Mobile adalah bertujuan untuk menyalurkan maklumat pembiayaan, keusahawanan dan peluang-peluang perniagaan secara jelas kepada golongan sasar.

Perkhidmatan bergerak itu akan memfokuskan lokasi-lokasi yang sering menjadi tumpuan masyarakat seperti pasar malam, pasar tani dan sebagainya.

Pelancaran TEKUN Mobile itu adalah antara strategi memperluaskan skop perkhidmatan TEKUN Nasional bagi menyediakan pembiayaan usahaniaga secara mudah dan cepat, sejajar dengan temanya 'Dinamik dan Mesra Usahawan'.



**AZHAR Yunus dan isteri bersama produk rempeyek MooNsnek.**

### Pembiayaan Terkumpul TEKUN Nasional (1998-31 Ogos 2009)

| NEGERI          | Bil. Peminjam  | Nilai Pembiayaan (RM) |
|-----------------|----------------|-----------------------|
| Terengganu      | 21,167         | 215,464,000           |
| Selangor        | 15,238         | 190,715,400           |
| Johor           | 17,621         | 175,189,700           |
| Kedah           | 14,049         | 119,682,500           |
| Kelantan        | 15,261         | 119,332,000           |
| pahang          | 11,060         | 102,434,000           |
| Perak           | 12,070         | 99,597,300            |
| Sabah           | 10,686         | 68,626,000            |
| Pulau Pinang    | 8,348          | 68,028,100            |
| Negeri Sembilan | 5,830          | 55,546,500            |
| Sarawak         | 9,196          | 53,085,600            |
| W.Persekutuan   | 3,892          | 50,550,900            |
| Melaka          | 4,090          | 45,329,400            |
| Perlis          | 1,623          | 13,159,900            |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>150,131</b> | <b>1,377,371,300</b>  |